



SIARAN MEDIA
PENGUMUMAN KADAR ZAKAT FITRAH
ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP
TAHUN 1442H / 2021M

Assalamu'alaikum wrb & Salam Ukhuwwah khasnya kepada warga Pulau Pinang yang beragama Islam.

Terlebih dahulu, saya ingin melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah swt kerana atas limpah kurniaNya, kita masih diberikan kesempatan untuk terus bernafas di muka bumi ini, menghirup udara segar dan melaksanakan tanggungjawab kita sebagai Muslim yang taat kepada perintahNya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bulan Ramadan 1442H akan menjelang tidak lama lagi. Sebagaimana biasa, setiap kali tibanya bulan penuh berkat ini, kita dituntut untuk memperbanyakkan amal ibadah melalui amalan-amalan sunat termasuklah bertarawih, amalan-amalan seperti memperbanyakkan infaq & sedekah, bertadarus Al-Qur'an, berzikir dan seumpamanya bagi mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah s.w.t. Pada bulan Ramadan juga, umat Islam di negara kita dan seluruh dunia akan mengeluarkan zakat fitrah bagi memenuhi tanggungjawab dan rukun Islam yang lima.

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian.

Pada tahun 1441/2020 dalam situasi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid-19, Zakat Pulau Pinang menerusi Amil Zakat Fitrah yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah berjaya memungut sebanyak **RM5.54 juta** dan pada tahun ini (1442/2021), Zakat Pulau Pinang menyasarkan kutipan zakat fitrah sebanyak **RM6 juta**, Insya Allah.

Pada tahun ini, sebagaimana yang telah diumumkan semasa Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah 2021 yang diadakan pada 1 April 2021 yang lalu, jumlah kariah dan pusat kutipan yang dilantik oleh MAINPP adalah sebanyak **232 kariah** dengan jumlah amil yang ditauliahkan seramai **1,719 orang** di seluruh negeri Pulau Pinang.

Setiap tahun, sebagaimana biasa, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) akan mengumumkan kadar zakat fitrah kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang. Pada tahun ini, setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperkenankan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama Islam bagi negeri Pulau Pinang, maka adalah dimaklumkan bahawa kadar harga Zakat Fitrah untuk Negeri Pulau Pinang bagi tahun **1442H/2021M** adalah bernilai **RM7.00 seorang, RM12.00 seorang dan RM16.00 seorang**.

Kategori tiga (3) perincian kadar harga zakat fitrah pada tahun ini adalah seperti berikut :

- i. **RM7.00** bagi kumpulan majoriti yang memakan beras jenis Super Special Tempatan 5%, Super Special Tempatan 10%, Beras Tempatan Standard, Beras Tempatan Premium, Thai White Rice, Vietnam White Rice, Pakistan White Rice atau lain-lain setara dengan;
- ii. **RM12.00** bagi kumpulan yang memakan beras wangi, beras pulut dan beras Calrose/Poney atau yang setara dengannya.
- iii. **RM16.00** bagi kumpulan yang memakan jenis berkualiti tinggi seperti Beras Bastmathi dan setara dengannya.

Tiga kadar zakat fitrah ini ditetapkan pada tahun ini bagi memberi peluang kepada umat Islam di Pulau Pinang yang memiliki kelebihan dari segi kemampuan, menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah mereka mengikut kadar yang lebih tinggi iaitu RM16 seorang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Zakat Pulau Pinang MAINPP ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihatkan kepada umat Islam warga Pulau Pinang agar membayar Zakat Fitrah mereka kepada Amil yang sah dan dilantik oleh MAINPP sebagaimana yang dinyatakan di bawah **Seksyen 16, Enakmen**

Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996 seperti dibawah :

Perkara 33 : Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 90 (1) Enakmen Pentadbiran.

Dan;

Perkara 34: Mana-mana orang yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa secara sah untuk memungut zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tuan-tuan sekalian.

Selain pembayaran zakat fitrah melalui amil yang telah dilantik, ZPP juga menggalakkan agar umat Islam di Pulau Pinang dapat menunaikan zakat fitrah mereka melalui kaedah online yang disediakan seperti melalui **portal zakatpenang2u.com, JomPay, aplikasi muda alih TULUS, kod QR Bank Muamalat, aplikasi GoPAYZ** dan beberapa kaedah digital

yang akan diuar-uarkan menjelang Ramadan nanti. ZPP juga ingin memaklumkan bahawa urusan penerimaan zakat harta oleh ZPP seperti zakat pendapatan, zakat wang simpanan, zakat emas & peras dan zakat-zakat yang lain masih berjalan seperti biasa di semua kaunter-kaunter perkhidmatan ZPP seluruh negeri Pulau Pinang mengikut waktu operasi yang akan diuar-uarkan di saluran-saluran media sosial ZPP.

Akhir sekali, bagi pihak MAINPP dan ZPP, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al Mubarak 1442H. Patuhilah prosedur (SOP) yang ditetapkan kerana kepatuhan mengikut SOP ini adalah bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan amil dan pembayar zakat di saat penularan Pandemik COVID19 yang masih belum selesai sepenuhnya. Moga Allah swt rahmati kita semua.

Tunaikanlah Zakat Fitrah bagi tahun 1442H/2021 kepada Zakat Pulau Pinang MAINPP.

Zakat Pembina Ukhuwwah, Pengukuh Khaira Ummah

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela.

Sekian. Terima kasih.

YB DATO' IR. HJ. AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD RAHMAN
TIMBALAN KETUA MENTERI (1) PULAU PINANG
MERANGKAP
YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
Tarikh : 8 April 2021